



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 9 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

9/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	AGONG BERKENAN SANTUNI MANGSA RIBUT, KURNIA SUMBANGAN KEPADA ASNAF	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1162310/agong-berkenan-santuni-mangsa-ribut-kurnia-sumbangan-kepada-asnaf	BHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/10/08/mangsa-ribut-terharu-agong-berkenan-ziarah-kediaman/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1017785/agong-santuni-mangsa-ribut	HMETRO.COM.MY
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/08/agong-visits-storm-victims-in-rompin-channels-aid-to-asnaf/95116	MALAYMAIL.COM
	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/70695-agong-berangkat-ziarah-mangsa-ribut-di-rompin	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/mangsa-ribut-terharu-terima-kunjungan-agong/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	PROGRAM KHIDMAT BANTU KASIH SANTUNI OKU DI KANGAR	
	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/70662-program-khidmat-bantu-kasih-bantu-oku-di-kangar	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	GURU DENGAN DUA ANAK OKU HADAPI MASALAH KEWANGAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/guru-dengan-dua-anak-oku-hadapi-masalah-kewangan/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	TUMPU NASIB GOLONGAN BERHENTI KERJA JAGA KELUARGA SAKIT	
	https://www.sinarharian.com.my/article/283122/berita/nasional/tumpu-nasib-golongan-berhenti-kerja-jaga-keluarga-sakit	SINARHARIAN.COM.MY



UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

9/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	ENGGAN HARAP SIMPATI SESIAPA, NAJIHA SANGGUP BUAT EMPAT KERJA SEHARI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1017728/enggan-harap-simpat-sesiapa-najiha-sanggup-buat-empat-kerja-sehari	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	PESERTA WANITA IRONMAN LANGKAWI MALAYSIA MENINGGAL	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1162434/peserta-wanita-ironman-langkawi-malaysia-meninggal	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-peserta-triatlon-masih-dalam-rawatan-di-hospital-sultanah-maliha-440861	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	WANITA DUA SUAMI: MAHKAMAH TERIMA SUMPAN NAFI SUAMI PERTAMA LAFAZ CERAI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/283148/berita/semasa/wanita-dua-suami-mahkamah-terima-sumpah-nafi-suami-pertama-lafaz-cerai	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	WANITA VIETNAM MAUT JATUH BANGUNAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1017798/wanita-vietnam-maut-jatuh-bangunan	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/10/08/tertekan-bapa-minta-rm20000-wanita-muda-maut-jatuh-kondo/	MALAYSIAGAZETTE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

9/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	WANITA DIGESA TINGKAT KESEDARAN MENGENAI KANSER PAYUDARA	
	https://www.astroawani.com/videos/awani-borneo-x7ko9t/wanita-diges-a-tingkat-kesedaran-mengenai-kanser-payudara-x8onznl	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=2vRfwKLb0Kg	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
10	100 KANAK-KANAK KURANG ZAT DISASAR TERIMA SUSU, VITAMIN SELAMA SETAHUN	
	https://selangorkini.my/2023/10/100-kanak-kanak-kurang-zat-disasar-terima-susu-vitamin-selama-setahun/	SELANGORKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
11	WUJUDKAN SEGERA PUSAT KANAK-KANAK PALSII SEREBRUM – EXCO SELANGOR	
	https://www.buletintv3.my/nasional/harap-wujudkan-segera-pusat-kanak-kanak-palsii-serebrum-exco-selangor/	BULETINTV3.MY
	https://selangorkini.my/2023/10/hari-palsii-serebrum-jadi-rujukan-ibu-bapa-jaga-anak-oku/	SELANGORKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
12	LELAKI DISYAKI ROGOL ANAK TIRI DITAHAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1017613/lelaki-disyaki-rogol-anak-tiri-ditahan	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

9/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	[VIDEO] BAPA BERLARI TOLAK STROLLER ANAK OKU SEMPENA HARI SUKAN SEKOLAH	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/08/video-bapa-berlari-tolak-stroller-anak-oku-sempena-hari-sukan-sekolah/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	WARGA EMAS MENANG RUMAH RM500,000 DI MSAM 2023	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1162404/warga-emas-menang-rumah-rm500000-di-msam-2023	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/msam-2023-warga-emas-menang-rumah-teres-rm500000-440851	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/283226/edisi/utara/msam-2023-warga-emas-dapat-rumah-bernilai-rm500000	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/msam-2023-peniaga-baju-warga-emas-menang-rumah/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2232755	BERNAMA.COM
	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/msam-2023-warga-emas-menang-rumah-rm500000-PM11595291	THESUNDAILY.MY
	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/10/1017806/warga-emas-menang-rumah-rm500000-di-msam-2023	HMETRO.COM.MY



TAJUK : AGONG TINJAU KERJA BAIK PULIH RUMAH MANHSA RIBUT

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 19

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Agong tinjau kerja baik pulih rumah mangsa ribut

Rompin: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah meninjau kerja baik pulih rumah seorang mangsa ribut di Kampung Rantau Panjang, di sini semalam.

Al-Sultan Abdullah yang diiringi Tengku Panglima Raja Kolonel Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah yang berangkat tiba di rumah Mohd Zaki Embong, 70, pada jam 12.15 tengah hari, turut berkenan menyantuni penduduk kampung yang menunggu sejak pagi untuk bersua dengan Seri Paduka.

Mohd Zaki ketika ditemui menjunjung kasih kepada keprihatinan Seri Paduka mencemar duli ke rumahnya yang kini dalam proses baik pulih selepas bumbung di ruang tamu dan beranda diterbangkan ribut pada jam

5 petang, 2 Oktober lalu.

Isterinya Nor Hayati Ismail, 57, yang juga pekerja am di sebuah institusi pendidikan, berkata kejadian berlaku ketika dia baru tiba di rumah dari tempat kerja, yang terletak kira-kira 15 kilometer dari kediamannya.

"Semasa hendak mula menunggang motosikal, saya lihat langit begitu gelap dan tertanya juga jika saya sempat tiba sebelum hujan. Tak sangka rupanya ribut yang berlaku. Saya lihat atap sudah tiada dan bahagian dalam rumah sudah dinaiki air," katanya.

Nor Hayati berkata walaupun kerugian, beliau bersyukur kerana tiada ahli keluarganya cedera terutama anak bongsu Ahmad Sufian, 26, yang semasa kejadian berada di rumah kerana tidak sihat.



Al-Sultan Abdullah bersama adik Ahmad Yusuff Ahmad Syafiq ketika menyantuni penduduk kampung selepas meninjau kerja baik pulih rumah mangsa ribut di Kampung Rantau Panjang, Pahang, semalam.

(Foto BERNAMA)

Beliau berkata, wakil Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) menghubunginya bagi memberikan sumbangan termasuk menampung kos baik pulih, selain turut menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Saya bersyukur kerana mulanya buntu juga memikirkan kos membaiki bumbung," katanya yang sudah 30 tahun menetap di situ.

Pada kunjungan itu, Al-Sultan Abdullah juga berkenan mencemar duli mengurniakan sumbangan kepada 143 penerima yang antaranya terdiri daripada asnaf, ibu tunggal dan saudara baharu dari enam kampung pada majlis ringkas di Dewan Serbaguna Leban Chondong, di sini.

BERNAMA



TAJUK : LELAKI BERSUMPAH NAFI CERAI ISTERI TALAK TIGA

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Kes suami dakwa 'dimadukan'

Lelaki bersumpah nafi cerai isteri talak tiga

Mahkamah Rendah Syariah putuskan pasangan kekal suami, isteri

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Tanah Merah: Mahkamah Rendah Syariah, di sini semalam memutuskan seorang suami yang mendakwa 'dimadukan' isterinya masih kekal sebagai suami isteri.

Hakim Ahmad Hariri Mohd Saat membuat keputusan itu selepas Rahaman Mohamed Jaafar, 47, membuat sumpah penafian beliau tidak pernah menceraikan isterinya dengan talak tiga seperti didakwa.

"Menerusi lafaz sumpah defendan, defendan dan plaintif masih kekal sebagai suami isteri melainkan ada bukti baharu yang dikemukakan plaintif," kata Ahmad Hariri ketika membacakan keputusan lafaz cerai di antara Rahaman dan Wan Nor Shakirin Wan Abdul Razak, 32.

Mahkamah kemudian menetapkan 22 Oktober ini sebagai tarikh sebutan permohonan cerai yang difailkan Wan Nor Shakirin.

Rahaman ketika ditemui berkata, beliau bersyukur dengan keputusan mahkamah yang memutuskan beliau dan isteri keduanya itu masih kekal sebagai suami isteri.

"Alhamdulillah, saya berani bersumpah kerana saya tidak pernah melafazkan cerai talak



Rahaman (dua dari kanan) bersama peguam, Marzuqi Muhamad (kanan) di Mahkamah Rendah Syariah Tanah Merah, semalam.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

tiga seperti yang didakwa isteri.

"Apa yang boleh saya katakan, hingga kini saya masih sayangkan isteri kedua saya dengan apa yang dia lakukan terhadap saya sehingga berkahwin dengan lelaki lain.

"Walaupun isteri ada memfailkan cerai, saya tidak akan melupuskannya kerana sayang saya terhadapnya masih kuat," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, tindakan seorang wanita yang 'memadukan' suami terbongkar selepas perkahwinan kedua wanita terbabit diketahui oleh suami pertama.

Rahaman mendedahkan, be-

liau berkahwin dengan isterinya yang berusia 32 tahun pada Januari 2019 di Narathiwat, Thailand, sebelum isterinya menghidlangkan diri dari rumah Januari tahun ini.

Sah ikut hukum syarak

Katanya, perkahwinan mereka disahkan cukup syarat mengikut hukum syarak oleh Mahkamah Rendah Syariah Tanah Merah pada 6 Jun lalu dan didaftarkan di Pejabat Agama Jajahan Tanah Merah.

Katanya, beliau terkejut apabila mengetahui isterinya berkahwin dengan lelaki lain pada April lalu dipercayai mengguna-

kan surat cerai dengan suami pertama, iaitu sebelum berkahwin dengan Rahaman.

Sementara itu, peguam mewakili Rahaman, Marzuqi Muhamad, berkata mahkamah sudah memutuskan anak guamnya masih suami isteri dan menetapkan 22 Oktober sebagai tarikh sebutan permohonan cerai yang difailkan oleh plaintif.

"Keputusan Mahkamah Rendah Syariah Tanah Merah akan dibawa ke Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu bagi membuat keputusan lanjut, memandangkan perkahwinan plaintif dengan suami keduanya difaraqkan sementara sebelum ini," katanya.



TAJUK : PETANI DISYAKI ROGOL ANAK TIRI SEJAK 3 TAHUN LALU DITAHAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Petani disyaki rogol anak tiri sejak 3 tahun lalu ditahan

Gerik: Seorang petani ditahan polis pada Khamis lalu kerana disyaki merogol anak tirinya berusia 11 tahun, sejak tiga tahun lalu.

Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri, berkata perbuatan lelaki berusia 41 tahun itu terbongkar apabila mangsa tampil melaporkan kejadian jam 12.30 tengah hari, Khamis lalu.

Beliau berkata, guru kaunseling murid itu yang hadir sama membuat laporan polis mendakwa diberitahu mangsa dirogol bapa tiri sejak berusia sembilan tahun.

Katanya, siasatan mendapati kali terakhir suspek merogol anak tirinya itu di sebuah pondok dalam kawasan kebun di Air Ganda, jam 3 petang Selasa lalu. "Mangsa sudah dibawa men-


jalani pemeriksaan oleh doktor pakar kanak-kanak di Hospital Taiping dan hasil pemeriksaan mendapati terdapat dua kesan koyakan lama pada bahagian kemaluan," katanya.

Mohd Yusri berkata, suspek ditahan reman selama tujuh hari hingga Khamis depan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan kerana merogol.

Perbuatan lelaki berusia 41 tahun itu terbongkar apabila mangsa tampil melaporkan kejadian jam 12.30 tengah hari, Khamis lalu

Mohd Yusri Hassan Basri,
Ketua Polis Perak





TAJUK : BUKA RAHSIA PADA GURU KAUNSELING!

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

BAPA TIRI NODA ZURIAT 11 TAHUN

Buka rahsia pada guru kaunseling!

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Gerik

Detik hitam dilalui kanak-kanak perempuan 11 tahun yang menjadi mangsa rogol bapa tiri sejak tiga tahun lalu terbongkar selepas mangsa mengadu kepada guru kaunseling sekolahnya, baru-baru ini.

Susulan pendedahan itu, seorang petani berusia 41 tahun ditahan polis pada Khamis lalu kerana disyaki merogol anak tirinya itu apabila mangsa tampil membuat laporan.

Ketua Polis Perak, Datuk

Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, mangsa memberitahu guru kaunseling bahawa dia dirogol bapa tiri sejak kanak-kanak itu berumur sembilan tahun.

Katanya, hasil siasatan mendapati kali terakhir suspek merogol anak tirinya itu di sebuah pondok dalam

kawasan kebun di Air Ganda di sini, kira-kira jam 3 petang Selasa lalu.

"Mangsa dibawa menjalani pemeriksaan oleh doktor pakar kanak-kanak di Hospital Taiping dan hasil pemeriksaan mendapati terdapat dua kesan koyak lama pada bahagian kemaluannya," katanya.


Mohd Yusri berkata, suspek di-



MOHD Yusri

"Mangsa dibawa menjalani pemeriksaan oleh doktor pakar kanak-kanak di Hospital Taiping dan hasil pemeriksaan mendapati terdapat dua kesan koyak lama pada bahagian kemaluannya"

reman tujuh hari sehingga Khamis depan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan kerana merogol.



TAJUK : KELUARGA DANIEL BUAT LAPORAN POLIS

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

LELAKI HILANG LEPAS HANTAR TELEFON PINTAR

Keluarga Daniel buat laporan polis

Kuala Lumpur: Ahli keluarga seorang lelaki yang didakwa tidak pulang ke rumahnya di ibu kota sejak 3 Oktober lalu selepas membuat urusan penjualan telefon pintar di Pulau Pinang sudah membuat laporan polis.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid berkata, laporan polis dibuat di Balai Polis Brickfields namun kes itu dirujuk ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang.

Terdahulu media melaporkan seorang lelaki didakwa tidak pulang ke rumahnya di Kuala Lumpur sejak 3 Oktober lalu selepas membuat urusan penjualan telefon dengan pelanggan tidak dikenalnya.

Muhammad Daniel Haikal yang berusia 27 tahun dikatakan kali terakhir dikesan berada di negeri Pu-

lau Pinang.

Menerusi hantaran Instagram ibu saudaranya, Eyraswan, Muhammad Daniel sempat membuat panggilan video dengan tunangnya meminta tolong sambil berlari dan menangis.

Susulan daripada itu, semakan rekod log aktiviti mendapati lelaki terbabit membuat panggilan video berkenaan di Georgetown.

“Anak buah saya, Danial, sudah hilang sejak beberapa hari lalu selepas pergi menghantar iPhone dengan *customer* (pelanggan) yang tidak dikenali.

“Dia sempat *video call* tunangnya dan meminta tolong diselamatkan. Dalam masa sama dia menangis dan berlari mencari jalan keluar dari tempat itu (tidak dinyatakan),” katanya.



TAJUK : KERANAMU ANAKKU!

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Keranamu anakku!

*Penghidap
kanser mulut
kematian
suami
berjuang bagi
pastikan anak
tunggal dapat
ke sekolah*

Oleh Redzuan
Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Batu Pahat

Berat ujian ditanggung Siti Saqmah Mansor kerana bukan saja perlu membesarkan anak bersendirian selepas kematian suami, Zamri Sulaiman, malah bertarung nyawa akibat barah mulut tahap empat sejak dua tahun lalu.

Siti Saqmah, 33, yang menetap di Parit Raja di sini, perlu membesarkan anak tunggalnya, Annur Amani Zamri, 8, yang tinggal bersamanya.

Menurutnya, bukan mudah meneruskan hidup tanpa suami namun tiada pilihan melainkan akur dengan ketentuan-Nya.

Menyedari tanggungjawab digalas, Siti Saqmah berikhtiar membuat dan menjual sandwich, sosej serta kek batik bagi menjana pendapatan kerana hanya itu mampu dilakukan dengan kudratnya ketika ini.

"Dulu, saya sihat dan normal, tetapi suami yang menghidap barah saluran makanan tahap empat.

"Ditakdirkan, suami tak dapat bertahan dan akhirnya dijemput Ilahi pada 2017, jadi tinggal saya berdua dengan anak.

"Setahun kemudian (2018), saya terbahit dalam kemalangan ketika menaiki kereta dipandu abang dan kesannya, gusi atas pecah.

"Awalnya, doktor tak kata apa tapi ia membengkak. Lama-kelamaan, bengkak di gusi semakin membesar dan hasil pemeriksaan lanjut mendapati saya menghidap barah mulut," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Siti Saqmah berkata, dia mengambil masa lama untuk menerima hakikat dirinya menghidap barah.

"Selepas disahkan menghidap barah, sebulan juga saya di hospital iaitu pada



SITI Saqmah mencari rezeki dengan menjual sandwich dan kek batik yang dihasilkan. Gambar kecil, Siti Saqmah mengharapkan keajaiban untuk membesarkan anaknya, Annur Amani.



MAKANAN yang dibuat Siti Saqmah. Beliau ketika menjalani rawatan di hospital pada September 2021.

September 2021 untuk menjalani pembedahan gusi dan lelangit.

"Memang patah semangat namun saya kuat sebab anak kerana fikir dia masih kecil dan kena ke sekolah.

"Jadi jika saya lemah bagaimana nak cari duit untuk tanggung dan besarkannya?" katanya.

Berhubung penyakitnya, Siti Saqmah berkata, dia sudah menjalani empat sesi kemoterapi.

"Itu saja ikhtiar saya buat masa ini kerana penyakit saya ini tiada ubatnya.

"Jadi, saya hanya mampu berdoa dan mengharap ada keajaiban untuk diberi kesembuhan kerana tak dapat bayangkan bagaimana anak jika saya tiada nanti," katanya.





TAJUK : PERIT NAJIHA KERAH KUDRAT

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 19

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Perit Najiha kerah kudrat

Oleh Redzuan
Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Ibu lima anak buat empat pekerjaan bagi pastikan bekalan makanan tak putus

Ampang Jaya

Peritnya kehidupan Afrin Najiha Makmur sekeluarga kerana pernah hidup dalam kesempatan hingga terputus bekalan makanan namun ia bukan alasan untuk meminta ihsan orang sekeliling.

Sebaliknya, ibu lima anak mesra disapa Najiha, 26, itu sanggup melakukan empat kerja dalam sehari iaitu mencuci masjid, mengambil upah jual produk kecantikan, menjual kek coklat dan aiskrim potong demi kelangsungan hidup.

Rutin itu dilakukan Najiha sejak tiga bulan lalu selepas mendapat idea daripada seorang rakan kerana buntu memikirkan bagaimana mencari wang bagi membantu suami yang tidak bekerja tetap.

Bercerita lanjut, Najiha yang menetap di Batu 6, Gombak berkata, kek coklat dan aiskrim potong dibuat sendiri pada lewat malam selepas anaknya tidur.

Seawal jam 7.45 pagi pula, dia sudah memulakan tugas mencuci masjid selepas menghantar anak ke sekolah dengan menaiki kereta.

"Sebelah pagi, saya akan ke Masjid Al-Ridhuan di Hulu Klang untuk ke bersihkan ruang dalam dan luar termasuk tandas de-

ngan upah RM300.

"Saya tak berada di situ sampai petang kerana selesai kerja, saya pergi menjual aiskrim dan kek pula yang dibawa sekali di tepi jalan.

"Jika ada yang beli untuk infaq, saya hantar ke lokasi dipesan manakala masa terluang yang ada saya akan gunakan untuk ambil upah jual produk kecantikan dan begitulah rutin saya setiap hari," katanya ketika ditemui Harian Metro di Masjid Al-Ridhuan, Hulu Klang, di sini.

Tidak terhenti di situ, Najiha turut mengambil upah mencuci rumah dengan rakan jika ada yang memerlukan khidmat mereka.

Pada hujung minggu pula, Najiha akan mengambil upah membersihkan kawasan Masjid Al-Sharif di Sim-pang 3, Gombak, Selangor dengan upah RM300.

"Ikutkan penat juga buat empat kerja sehari kerana ikutkan saya tak boleh buat kerja berat memandangkan ada *slip disc*.

"Tapi selagi termampu, saya akan kerah keringat kerana fikirkan anak dan enggan hidup susah macam dulu.

"Lagipun, saya kerja bukan untuk bantu suami saja dan untuk anak saja, tetapi tanggung keluarga di kam-

pung," katanya yang juga mempunyai seorang anak orang kurang upaya (OKU) kategori intelektual.

Berkongsi cabarannya, Najiha berkata, pernah beberapa kali minyak keretanya habis di tengah jalan namun dia sanggup jalan kaki untuk pergi bekerja.

"Ada ketika, minyak habis sebab saya memang tak ada duit nak isi dan saya pula tak reti pesan e-hailing jadi jalan kaki saja kalau kereta meragam di tengah jalan.

"Ikutkan kereta saya pandu itu pun bukan milik saya, tetapi emak mentua dan sudah lama malah pernah seminggu tak pergi kerja selepas kereta dilanggar lari oleh individu tak bertanggungjawab.

"Tapi saya terpaksa bertahan kerana itu satu-satunya kenderaan yang ada untuk cari rezeki," katanya.

Berhubung perkongsian kisahnya di TikTok, Najiha berkata, niatnya sekadar menceritakan apa dilalui sebagai seorang ibu.

"Saya kongsi bukan untuk raih simpati sesiapa kerana masih sihat untuk bekerja, tetapi sekadar hiburan saja," katanya.

"Tapi selagi termampu, saya akan kerah keringat kerana fikirkan anak dan enggan hidup susah macam dulu"

Afrin Najiha Makmur



NAJIHA bersama anak keluar ketika mencari rezeki.



SELAIN membersihkan masjid Najiha juga mengambil upah mencuci rumah jika khidmat diperlukan.



TAJUK : PESARA TANGGUNG KERUGIAN RM717,050

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

JERAT LABUR WANG KRIPTO

Pesara tanggung kerugian RM717,050

Ipoh: Seorang lelaki warga emas di Tanjung Malim kerugian RM717,050 selepas menjadi mangsa pelaburan mata wang kripto tidak wujud sejak Mei lalu.

Ketua Polis Perak Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, mangsa yang merupakan pesara pengawal keselamatan berusia 67 tahun, membuat laporan polis selepas menyedari dirinya ditipu.

"Mangsa telah melihat satu iklan pelaburan mata wang kripto di laman sosial Facebook atas nama Yomaex Crypto Market Limited pada 22 Mei lalu dan menghubungi ejen syarikat tersebut yang mendakwa berpangkalan di Paris, Perancis.

"Lelaki itu menyatakan minatnya untuk melabur dan diminta memuat turun sebuah aplikasi untuk tujuan pelaburan," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Yusri berkata, mangsa kemudian membuat pindahan wang ber-

jumlah RM8,000 ke dalam akaun yang diberikan bagi pengaktifan e-dompot dan modal permulaan pada 13 Julai lalu.

Menurutnya pada permulaan pelaburan, mangsa melihat wang sebanyak AS\$14,985 dikreditkan ke dalam akaun dompet miliknya.

"Ini membuatkan mangsa semakin yakin dan membuat penambahan modal melibatkan 17 transaksi ke 10 akaun bank berbeza dan perlu menunggu selama dua bulan untuk tempoh matang.

"Pada 5 Oktober, mangsa melihat wang di dalam e-dompot laman sesawang pelaburan tersebut bertambah menjadi AS\$1.5 juta, namun mangsa gagal membuat pindahan wang ke akaun miliknya," katanya.


Mohd Yusri berkata, warga emas itu diminta memasukkan wang berjumlah RM300,000 kononnya sebagai cukai pindahan wang, tetapi dia tidak melakukannya.

Menurutnya mangsa kemudian mendapati akaun e-dompotnya kosong dan aplikasi pelaburan itu tidak dapat diakses lagi kononnya disekat oleh pihak Bank Negara.

Bagaimanapun, beliau berkata, selepas membuat semakan di Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, mangsa mendapati pelaburan tersebut tidak berdaftar dengan Bank Negara.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

"Lelaki itu menyatakan minatnya untuk melabur dan diminta memuat turun sebuah aplikasi untuk tujuan pelaburan dan kemudian membuat pindahan wang berjumlah RM8,000 ke dalam akaun yang diberikan"



TAJUK : SIASAT DAKWAAN WANITA DIPERLEKEH DI BALAI POLIS

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Siasat dakwaan wanita diperlekeh di balai polis

Ipoh: Polis menyiasat isu tular di media sosial berkenaan dakwaan seorang wanita diperlekeh anggota pasukan keselamatan itu ketika membuat laporan di Ipoh, tengah malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Ipoh Asisten Komisioner Yahaya Hassan berkata pihaknya memandang serius aduan itu dan amat menghargai maklum balas diberikan orang awam berkenaan mutu perkhidmatan kaunter aduan balai polis.

“Perkara ini telah dirujuk kepada Bahagian Integriti dan Pematuhan

Standard, Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh untuk menjalankan siasatan dalaman,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Justeru, beliau menasihatkan kepada orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi terhadap isu berkenaan sementara menunggu hasil siasatan pihak polis.

Awal pagi semalam, wanita terbabit menerusi laman sosial X telah memuat naik imej salinan laporan polis bersama kenyataan mendakwa beliau diperlekehkan anggota polis ketika membuat laporan.



TAJUK :	COURT RULES WOMAN WITH NEW HUSBAND STILL MARRIED TO ANOTHER MAN		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	09 OKT 2023	M/SURAT :	06
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Court rules woman with new husband still married to another man

TANAH MERAH: The Syariah Lower Court here yesterday ruled that a businessman and a woman, who claimed to have been divorced by him and is now married to another man, are still legally married.

Judge Ahmad Hariri Mohd Saad made the decision after Rahaman KA Mohamed Jaafar, 47, took the 'sumpah laknat' (curse oath) by swearing that he had never divorced Wan Nor Shakirin Wan Abdul Razak, 32, with the triple talaq (talak tiga) as was claimed.

"With this oath (by Rahaman), the court decides that the defendant and the plaintiff are still legally married unless the plaintiff comes back to court with new evidence," said the judge.

The court then set Oct 22

to hear Wan Nor Shakirin's application for divorce from Rahman.

At the divorce confirmation proceedings yesterday, Rahaman was represented by lawyer Marzuqi Muhamad, while Wan Nor Shakirin who was not in court was unrepresented.

The judge had set yesterday to confirm the divorce pronouncement by Rahaman after finding the testimony by Wan Nor Shakirin that she had been divorced was not strong.

Wan Nor Shakirin had told the court that Rahaman had pronounced the 'talak tiga' on her, but the man denied doing so.


The couple were married in Narathiwat, Thailand on Jan 2, 2019 and then registered the marriage at the Tanah Merah

district religious office on June 6 this year.

However, Rahaman claimed that he was informed by the religious office in Putrajaya that Wan Nor Shakirin had married another man, Mohd Kamarulazhar Ayob, 42.

Following that, Rahaman through syarie lawyer Marzuqi Muhamad on July 5 filed for 'faraq' (separation or dissolution) of the marriage between Wan Nor Shakirin and Mohd Kamarulazhar at the Kota Bharu Shariah High Court.

On Aug 7, the court issued an interim falaq order between Wan Nor Shakirin and Mohd Kamarulazhar pending the divorce confirmation in Wan Nor Shakirin's marriage to Rahaman. — Bernama



TAJUK : PINK OCTOBER RUN 2023 IN SUPPORT OF S'WAK BREAST CANCER SUPPORT GROUP

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Pink October Run 2023 in support of S'wak Breast Cancer Support Group



Dr Mark (right) presents the mock cheque for the contribution to Juriah.

BINTULU: The Columbia Asia Hospital Bintulu's (CAHB) Pink October Charity Run 2023 yesterday received corporate boost and support from the public.


The charity run was a part of CAHB's annual events meant to raise funds for the Sarawak Breast Cancer Support Group (SBCSG), and also meant to raise public awareness of breast cancer.

"The proceeds will be channelled to the group to support it in giving physical, emotional and financial support to women with breast cancer," said a CAHB spokesman.

At the event, Dr Mark Jeevan who represented CAHB presented a contribution of RM2,500 to SBCSG president Datin Juriah Sulehan.

The group also received a sponsorship of RM2,000 from Harbour Link Group Berhad.

The charity run was supported by Parkcity Shopping Mall, Go Beyond, Universiti Putra Malaysia Bintulu campus, Kelab Berbasikal Tugau Bintulu, Bintulu police and HL Grocery Trading.



TAJUK : SEXAGENARIAN LOSES OVER RM700,000 AFTER FALLING FOR CRYPTO INVESTMENT SCAM

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 06

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Sexagenarian loses over RM700,000 after falling for crypto investment scam

IPOH: A sexagenarian in Tanjung Malim claimed to have lost RM717,050, after being tricked into investing in a non-existent crypto investment since May.

Perak police chief Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri said the victim, a retired security guard, 67, lodged a police report Saturday after realising he had been deceived.

"The victim saw a cryptocurrency investment advertisement on Facebook, under Yomaex Crypto Market Ltd, on May 22 and contacted the company's agent, who claimed to be based in Paris.

"The victim expressed an interest in investing and needed to download an application for investment purposes," he said in

a statement Saturday night.

Mohd Yusri said that the victim then transferred RM8,000 into the account provided for the activation of the e-wallet, and also the initial capital on July 13.

"At the beginning of the investment, the victim saw US\$14,985 credited into his e-wallet account.

"This boosted the victim's

confidence, and he added more capital, involving 17 transactions to 10 different bank accounts, and was told that he had to wait for two months for the maturity period.

"On Oct 5, the victim saw that the money in the investment website's e-wallet had increased to US\$1.5 million, but the victim failed to transfer the money to

his account," he said.


The victim was then asked to deposit RM300,000, purportedly as money transfer tax, but did not do so.

He added that the victim found that his e-wallet account was empty, and the investment application could no longer be accessed, as it was allegedly blocked by Bank Negara Malaysia

(BNM).

However, according to Mohd Yusri, after the victim checked with BNM and the Malaysian Securities Commission, he learned that the investment was not registered with BNM.

He said that the case was being investigated under Section 420 of the Penal Code, for cheating. — Bernama



TAJUK : COURT RULES 'DIVORCED' WOMAN IS STILL LEGALLY MARRIED

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 12

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Court rules 'divorced' woman is still legally married

TANAH MERAH: The Syariah Lower Court here has ruled that a businessman and a woman, who claimed to have been divorced by him and now married to another man, are still legally married.

Judge Ahmad Hariri Mohd Saad made the decision after Rahaman KA Mohamed Jaafar, 47, took the *sumpah laknat* (curse oath) by swearing that he had never divorced the woman, Wan Nor Shakirin Wan Abdul Razak, 32,

with the *talak tiga* (triple talaq) as claimed.

"With this oath (by Rahaman), the court decides that the defendant and the plaintiff are still legally married unless the plaintiff comes back to court with new evidence," said the judge.

According to Bernama, the court then set Oct 22 to hear Wan Nor Shakirin's application for divorce from Rahaman.

During the divorce confirma-

tion proceedings yesterday, Rahaman was represented by lawyer Marzuqi Muhamad, while Wan Nor Shakirin, who was not in court, was unrepresented.

The judge had set yesterday to confirm the divorce pronouncement by Rahaman after finding that the testimony by Wan Nor Shakirin that she had been divorced was not strong.

Wan Nor Shakirin had told the court that Rahaman had pro-

nounced the *talak tiga* on her but the man denied doing so.

The couple were married in Narathiwat, Thailand, on Jan 2, 2019, and registered the marriage at the Tanah Merah district religious office on June 6.

However, Rahaman claimed he was informed by the religious office in Putrajaya that Wan Nor Shakirin had married Mohd Kamarulazhar Ayob, 42.

Following that, on July 5,

Rahaman, through syarie lawyer Marzuqi Muhamad filed for *faraq* (separation or dissolution) of the marriage between Wan Nor Shakirin and Mohd Kamarulazhar at the Kota Baru Syariah High Court.

Last Aug 7, the court issued an interim *falaq* order between Wan Nor Shakirin and Mohd Kamarulazhar pending the divorce confirmation of Wan Nor Shakirin's marriage to Rahaman.



TAJUK : EXTRA CASH FLOW FOR ORANG ASLI

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 12

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Extra cash flow for Orang Asli

Community picks up new knowledge from mushroom farming

GUA MUSANG: Cultivating grey oyster mushrooms have not just given the Mendriq Orang Asli community in Kampung Kuala Lah a new source of income but also comes with a wealth of new knowledge, particularly in mushroom farming.

Johari Keladi, 48, said through the mushroom planting project – an initiative of the Economy Ministry's hardcore poverty eradication programme – he has learnt the "dos and don'ts" and "ins and outs" of the business.

Under the programme, 10 participants from the village were selected to carry out a pioneer project to help them earn extra income.

"My friend Hassan Jusoh and I

are in charge of making sure that the right amount of ingredients are used and that blocks must be steamed first before planting the mushrooms.

"It may seem easy to grow oyster mushroom, but there are some strenuous tasks that need to be done by the men, like mixing sawdust with limestone paste and rice bran," he said.

Over the past two months, more than 300kg of grey oyster mushrooms had been cultivated by the participants.

Cedong Kapit, 61, said she and her fellow villagers no longer need to go to the forest to look for produce because their daily routine has shifted to tending two mushroom blocks.

"We started planting mushrooms on Aug 6 and harvested the first crop on Aug 28.


"We can harvest 10kg of mushrooms every day, or more than 300kg in a month. These mushrooms are sold for between RM10 and RM12 per kg," she said, Bernama reported.

Siti Adis, 40, hopes that government agencies would continue to help the Orang Asli community to generate additional income and elevate their economic status.

"I thank the Orang Asli Development Department (Jakoa) and the government agencies involved for providing me with the opportunity and support to raise my family's standard of living," she said.



Fruits of their labour: Some from the Mendriq community showing off some of the mushroom they harvested. – Bernama



TAJUK : CARING GESTURE...

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



CARING GESTURE ... The Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah interacting with Ahmad Yusuff Ahmad Syafiq, four, while visiting repaired storm damaged homes yesterday in Kampung Rantau Panjang, Rompin. – **BERNAMAPIC**



TAJUK : COURT RULES 'DIVORCED' WOMAN STILL LEGALLY MARRIED

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Court rules 'divorced' woman still legally married

TANAH MERAH: The Syariah Lower Court yesterday ruled a businessman and a woman were still legally married, despite the woman claiming to have been divorced by him and is now married to another man.

Judge Ahmad Hariri Mohd Saad made the decision after Rahaman K.A. Mohamed Jaafar, 47, took a

sumpah laknat (oath) by swearing that he had never divorced Wan Nor Shakirin Wan Abdul Razak, 32, with *talak tiga* (declaration of divorce) as she claimed.

"With this oath (by Rahaman), the court decides that the defendant and the plaintiff are still legally married unless the plaintiff comes

back to court with new evidence," said the judge.

The court set Oct 22 to hear Wan Nor Shakirin's application for divorce from Rahaman, who was represented by Marzuqi Muhamad while Wan Nor Shakirin was unrepresented.

The couple were married in Narathiwat, Thailand, on Jan 2, 2019,

and then registered the marriage at the Tanah Merah district religious office on June 6.

Rahaman claimed he was informed by the religious office in Putrajaya that Wan Nor Shakirin had married Mohd Kamarulazhar Ayob, 42.

Through syarie lawyer Marzuqi Muhamad, Rahaman filed for *faraq*

(separation or dissolution) of the marriage between Wan Nor Shakirin and Mohd Kamarulazhar at the Kota Bharu Syariah High Court on July 5.

On Aug 7, the court issued an interim *faraq* order on Wan Nor Shakirin and Mohd Kamarulazhar pending the divorce confirmation of her marriage to Rahaman. – Bernama



TAJUK :	AGONG BERKENAN SANTUNI MANGSA RIBUT, KURNIA SUMBANGAN KEPADA ASNAF		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	09 OKT 2023	M/SURAT :	10
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Agong berkenan santuni mangsa ribut, kurnia sumbangan kepada asnaf

ROMPIN: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mencemar duli menyantuni dan meninjau kerja baik pulih rumah seorang mangsa ribut di Kampung Rantau Panjang di sini semalam.

Al-Sultan Abdullah yang diiringi Tengku Panglima Raja Kol Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah berangkat tiba di rumah Mohd Zaki Embong, 70, pada 12.15 tengah hari, turut berkenan menyantuni penduduk kampung yang menunggu sejak pagi untuk bersua dengan Seri Paduka.

Mohd Zaki semasa ditemui menjunjung kasih kepada keprihatinan Seri Paduka mencemar duli ke rumahnya yang kini dalam proses baik pulih selepas bumbung di ruang tamu dan beranda diterbangkan ribut pada 5

petang, 2 Okt lepas.

Isterinya Nor Hayati Ismail, 57, yang merupakan pekerja am di sebuah institusi pendidikan berkata kejadian berlaku semasa dia baru tiba di rumah dari tempat kerja, yang terletak kira-kira 15 kilometer dari kediamannya.

"Semasa hendak mula menunggang motosikal, saya lihat langit begitu gelap dan tertanya juga jika saya sempat tiba sebelum hujan. Tak sangka rupanya ribut yang berlaku. Saya lihat atap sudah tiada dan bahagian dalam rumah sudah dinaiki air," katanya.

Nor Hayati berkata walaupun mengalami kerugian, beliau bersyukur kerana tiada ahli keluarganya cedera terutamanya anak bongsunya Ahmad Sufian, 26, yang semasa kejadian berada di rumah kerana tidak sihat.

Wakil Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) menurut Nor Hayati, telah menghubunginya bagi memberikan sumbangan termasuk menampung kos baik pulih, selain turut menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Saya bersyukur kerana mulanya buntu juga memikirkan kos membaiki bumbung. Memang dipermudahkan dan lebih terharu, bila saya diberitahu Seri Paduka berkenan nak datang lihat sendiri kerosakan rumah saya," katanya yang sudah 30 tahun menetap di situ.

Nor Hayati berkata kerja baik pulih bermula Jumaat lepas dan buat sementara, mereka sekeluarga menumpang di rumah ibunya yang terletak di belakang rumahnya.

Pada kunjungan ke Rompin, Al-Sultan Abdullah juga berkenan mencemar duli mengurniakan sumbangan kepada 143 penerima yang antaranya terdiri daripada saudara baharu dari enam kampung pada majlis ringkas di Dewan Serbaguna Leban Chondong di sini.

Seorang penerima Mazlan Abu, 65, dari Kampung Rantau Panjang di sini, berterima kasih kepada sumbangan itu yang disifatkan sangat besar artinya selepas tidak dapat bekerja kerana masalah kesihatan.

"Saya tidak berkahwin dan hidup dengan bantuan daripada anak saudara yang tinggal berhampiran. Bila dapat sumbangan ini, harap dapatlah ringankan sedikit beban anak saudara," katanya yang sebelum ini bekerja sebagai buruh. — Bernama



PRIHATIN: Al-Sultan Abdullah berkenan mencemar duli bertanyakan sesuatu kepada adik, Ahmad Yusuff Ahmad Syafig, 4, ketika menyantuni penduduk kampung selepas meninjau kerja baik pulih rumah mangsa ribut milik pasangan suami isteri, Mohd Zaki Embong, 70 dan Nor Hayati Ismail, 57 di Kampung Rantau Panjang, dekat Rompin semalam. — Gambar Bernama



TAJUK : MSAM 2023: WARGA EMAS MENANG RUMAH RM500,000

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

MSAM 2023: Warga emas menang rumah RM500,000

Hanya suka-suka hantar penyertaan, terkejut diumumkan pemenang

KEPALA BATAS: Warga emas berusia 71 tahun menjadi pengunjung paling bertuah apabila menang sebuah rumah teres bernilai RM500,000 di Setia Fontaines Amansara North, Bertam pada Majlis Penutup Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2023 semalam.

Mat Zin Husin, yang berasal dari Kampung Banggol Sawa, Pendang Kedah ketika ditemui berkata dia terkejut namanya diumumkan sebagai pemenang hadiah utama kerana tidak berharap langsung untuk menang sebarang hadiah memandangkan hanya suka-suka menghantar penyertaan.

Katanya dia mengetahui namanya terpilih sebagai seorang daripada tiga pemenang cabutan e-Peraduan Utama selepas menerima panggilan telefon daripada pihak penganjur malam tadi, tetapi tidak menyangka akan menang rumah.

“Pak cik saja jalan-jalan ikut anak ke MSAM pada hari pertama penganjurannya 30 Sept lepas dan jawab sekali saja dengan dibantu anak yang turut menghantar penyertaan.

“Tak sangka pula dalam ribuan penyertaan nama pak cik yang terpilih. Apa pun, syukur Alhamdulillah dan pak cik anggap ini rezeki,” kata bapa kepada empat anak itu ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah.

Hadiah disampaikan Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid sambil disaksikan Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

Selain Mat Zin, dua lagi pengunjung bertuah yang menyertai e-Peraduan Utama turut menerima hadiah masing-masing berupa sebuah



TAHNIH: Pemenang bertuah (dari kiri) Normah, Mat Zin dan Umi Kalsum menunjukkan hadiah masing-masing yang diterima pada Majlis Penutup Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2023, dekat Kepala Batas semalam. — Gambar Bernama

motosikal Yamaha MT24 dan Perodua Axia 1.0.

Umi Kalsum Yaakub, 45, dari Semenyih, Selangor yang menang motosikal berkata dia datang bercuti ke Pulau Pinang untuk menenangkan fikiran bersama enam anak selepas kehilangan suami pada Mac lepas dan singgah ke MSAM untuk meninjau kemeriahan di situ, tetapi tidak menyangka akan bawa pulang hadiah.

“Saya berkunjung ke MSAM pada Rabu lepas dan masuk peraduan sekali saja, lepas itu pulang semula ke Semenyih.

“Malam tadi (kelmarin) dapat panggilan beritahu saya menang, tapi mulanya saya sangka ‘scammer’. Saya tiba di sini (Bertam) pukul 3 pagi tadi (semalam) dan syukur walaupun tidak dapat rumah, saya tetap bawa balik motosikal,” katanya.

Sementara itu, suri rumah Normah Bongsu, 29, dari

“Pak cik saja jalan-jalan ikut anak ke MSAM pada hari pertama penganjurannya 30 Sept lepas dan jawab sekali saja dengan dibantu anak yang turut menghantar penyertaan.”

Mat Zin Husin
Pemenang


Sungai Petani, Kedah pula berkata dia tetap gembira apabila membawa pulang kereta Perodua Axia walaupun pada mulanya menyasarkan untuk menang rumah.

Dia yang merupakan pengunjung tegar MSAM, berkata tidak melepaskan peluang untuk hadir ke karnival tersebut setiap kali diadakan kerana mahu mencuba nasib untuk merebut hadiah yang ditawarkan.

“MSAM pertama yang saya pergi adalah di Sungai Petani, Kedah dan kemudian di Port

Dickson, Negeri Sembilan. “Saya gembira kerana usaha saya masuk pertandingan ini akhirnya membuahkan hasil. Ini merupakan kali pertama saya menang dan dapat kereta,” katanya.

MSAM 2023 yang berlangsung selama sembilan hari bermula 30 Okt lepas berjaya mencatatkan jumlah pengunjung lebih 200,000 orang serta penglibatan menggalakkan di semua platform digital yang diadakan dalam bentuk hibrid, secara fizikal dan maya. — Bernama



TAJUK : YUSUF HULUR BANTUAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN RUMAH PANJANG

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 09 OKT 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



PRIHATIN: Yusuf menghulurkan sumbangan kepada penduduk Rumah James Brandah, Muara Bunut, Bintangor yang ditimpa musibah kebakaran, petang Jumaat lalu.

Yusuf hulur bantuan kepada mangsa kebakaran rumah panjang

BINTANGOR: Penduduk Rumah James Brandah, Muara Bunut, Bintangor yang ditimpa musibah kebakaran rumah panjang, petang Jumaat lalu terus mendapat perhatian dan bantuan daripada pelbagai pihak.

Kini, Ahli Parlimen Tanjung Manis Yusuf Abdul Wahab tampil menghulurkan bantuan kepada penduduk terabit.

Yusuf berkata, beliau prihatin dengan musibah dan beban ditanggung penduduk terjejas dan menghulurkan bantuan awal berupa sumbangan wang tunai bagi kegunaan penduduk terabit membeli barang harian mereka dan keperluan lain.

“Bantuan peringkat awal disalurkan ini bernilai RM2,000 bagi setiap pintu penduduk terjejas bersama beberapa barang makanan dan keperluan asas lain.

“Kita berusaha menyalurkan bantuan dan peruntukan sewajarnya kepada penduduk terjejas dalam tempoh terdekat ini.

“Kita juga berharap lebih banyak persatuan dan per-

tubuhan bukan kerajaan (NGO) tampil menghulurkan bantuan kepada mangsa kebakaran bagi meringankan beban mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika melawat dan menghulurkan sumbangan kepada penduduk Rumah James Brandah, Muara Bunut, Bintangor, kelmarin.

Yusuf turut mengucapkan terima kasih kepada persatuan, NGO dan masyarakat setempat yang tidak putus-putus menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada mangsa sejak awal kejadian.

“Kerjasama dan sokongan padu seumpama ini adalah satu landasan terbaik mewujudkan dan membentuk komuniti prihatin.

“Syabas kepada semua pihak iaitu agensi kerajaan, swasta, NGO, individu dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam khidmat kemanusiaan dan penyaluran bantuan kepada mangsa terkesan,” jelasnya.

Beliau juga berharap semua penduduk terjejas bersabar menempuh dugaan yang mereka hadapi itu.